



KEMENTERIAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

**APRESIASI@SUKARELAWAN
MISI BANTUAN BANJIR
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

11 APRIL 2022 (ISNIN)

**DEWAN SERI SIANTAN, PERBADANAN PUTRAJAYA
6.30 PETANG**

Assalamulaikum WBT dan salam sejahtera.

- 1. Alhamdulillah, segala pujian dan syukur dirafakkan ke hadrat Allah SWT yang menganugerahi kita bulan Ramadan Al-Mubarak, bulan penuh keberkatan dan keampunan.**
- 2. Pada malam ini kita meraikan kehadiran seramai 420 orang sukarelawan. Jumlah ini bagaimanapun hanyalah sebahagian daripada 1,496 orang sukarelawan Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi yang telah sama-sama turun membantu mangsa-mangsa terkesan akibat bencana banjir yang melanda negara pada hujung tahun lalu.**
- 3. Meskipun pada masa sama usaha kita tertumpu pada Kuala Lumpur yang turut berhadapan dengan kejadian banjir buruk dan tanah runtuh akibat hujan lebat berterusan, namun kita tidak pernah lupa untuk membantu negeri-negeri lain yang turut berhadapan dengan musibah yang sama.**
- 4. Seawal 18 Disember 2021 iaitu pada hari banjir itu sendiri, kita telah mula menghulurkan bantuan kepada Selangor. Misi bantuan dihantar ke Seri Muda, Labu Lanjut, Bukit Changgang, Hulu Langat, Kuala Langat dan Klang. Hari-hari kemudiannya misi diteruskan pula ke Jelebu, Negeri Sembilan sebelum ia dipanjangkan ke Karak, Mentakab dan Temerloh, Pahang.**
- 5. Usaha murni ini tidak terhenti di sini sahaja. Atas semangat Keluarga Malaysia, bantuan diperluaskan ke Melaka dan Johor. Pada 3 Januari, kita dirikan pula Bilik Gerakan Lapangan di Alor Gajah, Melaka dengan bantuan diberikan di beberapa kawasan di situ.**

- 6. Tidak ketinggalan di Segamat, Johor iaitu di Bukit Senggir, Bukit Limau Manis, Kampung Tekam, Kampung Pogoh Tengah, Kampung Badang, Kampung Chodan dan Kampung Seri Rahmat.**
- 7. Alhamdulillah, KWP dan agensi tidak ketandusan warga yang prihatin dan sentiasa berlapang dada membantu saudara-saudara kita yang dilanda musibah tanpa mengira di mana mereka berada. Semangat kesukarelawan ini amatlah terpuji dan wajar menjadi contoh kepada semua.**
- 8. Melalui semangat kesukarelawan ini juga nilai perpaduan dan ‘we feeling’ iaitu kekitaan dapat diperkuuhkan lagi di antara warga kementerian, jabatan dan agensi. Ini selaras dengan nilai kekeluargaan Keluarga Malaysia yang dizahir oleh YAB Perdana Menteri kita, Dato’ Sri Ismail Sabri Yaakob.**
- 9. Pada malam ini juga, bersempena dengan bulan Ramadan yang penuh barakah ini kita berasa cukup bersyukur kerana program ini turut dihadiri oleh dua pusat tahfiz dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu Madrasah Tahfiz Darul Islah dan Madrasah Al-Haamil Quran As-Syaatibi.**
- 10. Semoga dengan kehadiran mereka dapatlah mengimarahkan lagi program kita pada malam ini.**

Sekian, Wabillahi Taufik Wal hidayah Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.